

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976  
(AKTA 171)**


**KAEDAH-KAEDAH PEGAWAI PENGUATKUASA  
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR  
(KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1992**

**P.U.(A) 57/92**

---

**SENARAI PINDAAN :**

BIL.	NO. P.U.(A) NO. P.U.(B)	TARIKH DIWARTAKAN	CATITAN
1	P.U.(A) 58/92		
2	P.U.(A) 135/93		
3			
4			
5			
6			
7			
8			



MALAYSIA

**Warta Kerajaan  
SERI PADUKA BAGINDA  
DITERBITKAN DENGAN KUASA**

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE  
PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 36  
No. 5

27hb Februari 1992

TAMBAHAN No. 14  
PERUNDANGAN (A)

---

P.U. (A) 57.

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**

KAEDAH-KAEDAH PEGAWAI PENGUATKUASA  
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR  
(KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1992

---

**SUSUNAN KAEDAH**

---

BAHAGIAN I  
PERMULAAN

Kaedah

1. Nama.
2. Pemakaian.
3. Tafsiran.

BAHAGIAN II  
TATAKELAKUAN

4. Tatakelakuan.
5. Pekerjaan luar.
6. Hadiah-hadiah, dsb.
7. Keraian.

Kaedah

8. Pemunyaan harta alih atau tak alih.
9. Menyenggara taraf hidup melebihi emolumen rasmi dan pendapatan persendirian yang sah.
10. Meminjam wang.
11. Keterhutangan wang yang berat.
12. Laporan mengenai keterhutangan wang yang berat dsb. daripada mahkamah dan Pegawai Pemegang Harta.
13. Meminjamkan wang.
14. Spekulasi ditegah.
15. Refel dan loteri.
16. Penerbitan buku.
17. Pernyataan awam dilarang.
18. Dilarang bertindak sebagai penyunting, dsb. bagi surat khabar, dsb.
19. Aktiviti-aktiviti politik.
20. Memulakan prosiding undang-undang dan bantuan guaman.
21. Tidak hadir bertugas tanpa cuti.
22. Melaporkan kerja atau kelakuan yang tidak memuaskan.

BAHAGIAN III

PROSEDUR TATATERTIB

23. Syarat-syarat bagi membuang kerja atau menurunkan pangkat.
24. Perlantikan Lembaga Tatatertib dan Lembaga Tatatertib Rayuan.
25. Prosedur dalam prosiding tatatertib.
26. Prosiding jenayah terhadap seseorang pegawai penguatkuasa.
27. Prosiding tatatertib tidak boleh diambil sementara menanti selesainya prosiding jenayah.
28. Akibat pembebasan.
29. Penggantungan kerja seseorang pegawai penguatkuasa yang prosiding jenayah atau tatatertib sedang dibawa terhadapnya.
30. Gantung Kerja.
31. Meninggalkan negeri semasa digantung kerja.

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS

32. Prosedur dalam kes sabitan.
33. Prosedur dalam kes tahanan, buang negeri, dsb.
34. Kuasa Lembaga Tatatertib dalam kes-kes sabitan, tahanan, dsb.

## BAHAGIAN V

## HUKUMAN

Kaedah

35. Hukuman tata tertib.
36. Denda atau perlucutkan gaji.
37. Tahan kenaikan gaji.
38. Hentikan kenaikan gaji.
39. Tangguh kenaikan gaji.
40. Remitan mengenai penangguhan kenaikan gaji.
41. Turun gaji.
42. Hukuman dikehendaki dicatatkan ke dalam buku Rekod Perkhidmatan pegawai penguatkuasa.

## BAHAGIAN VI

## KESALAHAN-KESALAHAN LAIN

43. Kesalahan-kesalahan lain.

## BAHAGIAN VII

## PELBAGAI

44. Surcaj.
45. Pemberitahuan surcaj.
46. Menarik balik surcaj.
47. Mendapat kembali surcaj.
48. Penyerahan balik alat kelengkapan, dsb.
49. Perlantikan *ad hoc*.
50. Pemilikan senjata api.
51. Arahan Tetap.
52. Penyampaian dokumen, notis, dsb.
53. Kuasa penyemakan Dato Bandar.

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

KAEDAH-KAEDAH PEGAWAI PENGUATKUASA DEWAN BANDARAYA  
KUALA LUMPUR (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1992

*Akta 171* PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 17 (1) Akta Kerajaan Tempatan 1976, Dato Bandar Kuala Lumpur, dengan kelulusan Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

*Nama* 1. Kaedah-Kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pegawai Penguatkuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (Kelakuan dan Tataterrib) 1992**.

*Pemakaian* 2. Kaedah-Kaedah ini hendaklah dipakai bagi seseorang pegawai penguatkuasa di sepanjang tempoh perkhidmatannya. Tindakan tataterrib boleh diambil terhadap mana-mana pegawai penguatkuasa yang melanggar mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

*Tafsiran* 3. Dalam Kaedah-Kaedah ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“alat-alat kelengkapan” termasuk senjata api, alat-alat yang digunakan untuk perhubungan, baju keselamatan, alat-alat yang dipasang kepada kenderaan dan semua jenis alat-alat lain yang digunakan dalam menjalankan tugas rasmi;

*Akta 190* “Dato Bandar” ertiinya Dato Bandar Kuala Lumpur yang telah dilantik di bawah seksyen 4 Akta Ibu Kota Persekutuan 1960;

“Direktorat Penguatkuasaan” ertiinya bahagian penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang ditubuhkan oleh Dato Bandar;

“disabitkan” atau “sabitan” termasuklah suatu pendapat atau suatu perintah yang bermaksud suatu dapatan bersalah oleh sesuatu mahkamah jenayah di Malaysia atau di luar Malaysia, atau oleh suatu badan yang kompetan yang diberi kuasa untuk menjalankan penyiasatan terus di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang menyatakan bahawa orang yang dipertuduhkan atau yang dituduh itu telah melakukan suatu kesalahan;

“kenderaan” ertiinya semua jenis pengangkutan sama ada berjentera atau tidak, termasuklah bot-bot, lori-lori, kereta-kereta, van-van, motosikal-motosikal, haiwan-haiwan seperti kuda, dan kereta-kereta untuk mengangkut haiwan-haiwan sedemikian, yang menjadi hak milik Dato Bandar;

“Ketua Direktorat Penguatkuasaan” ertiinya seorang pegawai Dato Bandar yang bertanggungjawab atas Direktorat Penguatkuasaan dan termasuk Timbalan Ketua Direktorat Penguatkuasaan yang bertindak bagi pihak ketua itu;

“Lembaga Tata tertib” ertinya Lembaga yang dilantik di bawah kaedah 24 dalam Kaedah-Kaedah ini;

“pakaian seragam” termasuklah seluar, baju, butang, topi, topi keledar, kasut, sarung kaki, tali pinggang, wisel, tanda pangkat, tanda nama, cota, lencana bahu, lencana-lencana rasmi, senjata api serta apa-apa perhiasan lain yang dibekalkan oleh Dato Bandar untuk digunakan sebagaimana diarahkan secara bertulis oleh Ketua Direktorat Penguatkuasaan;

“pegawai atasan” ertinya mana-mana pegawai kanan atau pegawai penguatkuasa yang berpangkat lebih kanan dari mana-mana pegawai penguatkuasa lain di bawah jagaan atau perintahnya;

“pegawai kanan” ertinya Ketua Direktorat Penguatkuasaan dan timbalannya, Penolong Pengarah Kanan, Penolong Pengarah, Pembantu Undang-Undang Kanan, Pembantu Undang-Undang atau Pegawai Kerja yang bertugas di Direktorat Penguatkuasaan;

“pegawai penguatkuasa” ertinya mana-mana pegawai selain daripada pegawai kanan, kakitangan perkeranian dan pekerja dalam kumpulan perusahaan dan pekerja rendah, yang diambil untuk bekerja oleh Dato Bandar bagi maksud Direktorat Penguatkuasaan;

“wang awam” ertinya semua pendapatan, pinjaman, amanah atau lain-lain wang dan semua bon, debentur dan lain-lain sekuriti yang diperolehi atau diterima apa cara jua oleh atau bagi pihak Dato Bandar.

## BAHAGIAN II

### TATAKELAKUAN

4. Yang berikut ialah tatakelakuan bagi pegawai-pegawai penguatkuasa dalam perkhidmatan Dato Bandar (selepas daripada ini disebut “Direktorat Penguatkuasaan”). Tindakan tata tertib di bawah Kaedah-Kaedah ini boleh diambil terhadap scorang pegawai penguatkuasa yang melanggar mana-mana peruntukan tatakelakuan ini—

- (1) Seseorang pegawai penguatkuasa hendaklah pada setiap masa dan keadaan menumpukan taat setianya kepada Yang di-Pertuan Agong, negara, Kerajaan dan Dato Bandar;
- (2) Seseorang pegawai penguatkuasa tidak boleh—
  - (a) membelakangkan kewajipan awamnya kerana kepentingan persendiriannya;
  - (b) berkelakuan dengan sedemikian cara yang mungkin menyebabkan kepentingan persendiriannya bercanggah dengan kewajipan awamnya;

- (c) berkelakuan dengan apa-apa cara yang mungkin menyebabkan syak yang munasabah bahawa—
  - (i) dia telah membiarkan kepentingan persendirianya bercanggah dengan kewajipan-kewajipan awamnya hingga menjelaskan kepentingannya sebagai seorang pegawai awam;
  - (ii) dia telah menggunakan kedudukan awamnya untuk faedahnya;
- (d) berkelakuan dengan sedemikian cara hingga menjatuhkan reputasi atau menghilangkan kepercayaan terhadap Dato Bandar;
- (e) kekurangan kecekapan atau keusahaan, atau berkelakuan dengan sedemikian cara yang boleh disifatkan dengan munasabah sebagai kekurangan kecekapan atau keusahaan;
- (f) tidak jujur atau berkelakuan dengan sedemikian cara yang mungkin menyebabkan disyaki sebagai tidak jujur;
- (g) berkelakuan secara tidak bertanggungjawab atau mengabaikan tanggungjawabnya;
- (h) membawa atau cuba membawa apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan sesuatu tuntutan berhubung dengan perkhidmatan Dato Bandar sama ada tuntutan itu adalah tuntutannya secara individu, atau tuntutan lain-lain anggota perkhidmatan Dato Bandar;
- (i) ingkar perintah, atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai ingkar perintah;
- (j) menyebabkan apa-apa gangguan yang boleh mendatangkan kekacauan kepada jabatan;
- (k) merokok atau makan semasa bertugas melainkan jika telah diberikan kebenaran oleh pegawai atasannya;
- (l) tidur semasa bertugas;
- (m) meninggalkan bit atau lain-lain tempat bertugas tanpa kebenaran atau sebab yang munasabah sebelum digantikan oleh seorang pegawai penguatkuasa yang lain;
- (n) menyembunyikan nama atau nombornya melainkan jika telah mendapat kebenaran pegawai atasannya;
- (o) menggadai, menjual, menghilangkan, mencuri, menyimpan, meminjamkan, menggunakan dengan

kasar atau dengan sengaja memusnahkan apa-apa alat kelengkapan, pakaian seragam, kenderaan atau lain-lain barang di bawah jagaannya;

- (p) gagal melaporkan kepada pegawai atasannya apa-apa kerosakan alat kelengkapan, pakaian seragam, kenderaan dan lain-lain barang di bawah jagaannya;
- (q) mengumpat, duduk, membuat bising atau malas atau cuai menjalankan tugasnya;
- (r) memakai pakaian seragam kotor atau berpakaian tidak kemas semasa bertugas;
- (s) gagal melaporkan kepada pegawai atasannya apa-apa perkara yang menjadi tugasnya melaporkan atau gagal memaklumkan apa-apa keterangan yang dia atau mana-mana orang yang tahu boleh membantu dalam perbicaraan jenayah;
- (t) dengan sengaja enggan mematuhi sesuatu perintah yang sah dari pegawai atasannya;
- (u) memusnahkan atau menghancurkan atau dengan sengaja membuat, meminda atau menandatangani apa-apa kenyataan palsu atau salah di dalam mana-mana rekod, daftar, buku notis, buku poket, buku catatan harian stesen atau apa-apa dokumen rasmi lain;
- (v) enggan atau gagal membuat catatan dalam mana-mana rekod, daftar, buku notis, buku poket, buku catatan harian stesen atau dokumen rasmi lain;
- (w) enggan atau gagal membuat atau menghantar apa-apa laporan atau penyata yang mana adalah tugas dia berbuat demikian;
- (x) membuat atau bersubahat dalam membuat aduan melalui surat terbang;
- (y) membuat apa-apa aduan yang remeh atau menyusahkan;
- (z) memberitahu atau menyampaikan tanpa kebenaran apa-apa maklumat mengenai apa-apa penyiasatan atau perkara-perkara rasmi yang menjadi tanggungjawab dia merahsiakkannya;
- (za) menandatangani atau mengedarkan apa-apa petisyen atau panggilan atau menghadiri apa-apa perjumpaan haram tentang apa-apa perkara mengenai Direktorat Penguatkuasaan;
- (zb) memandu atau menggunakan mana-mana kenderaan Direktorat Penguatkuasaan tanpa kebenaran pegawai atasannya.

**Pekerjaan luar**

5. (1) Kecuali setakat mana dia dikehendaki dalam menjalankan tugasnya atau diberikuasa dengan nyata untuk berbuat demikian oleh Dato Bandar, seseorang pegawai penguatkuasa tidak boleh—

- (a) mengambil bahagian secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan atau perjalanan apa-apa pengusahaan perdagangan, pertanian atau perindustrian;
- (b) mengusahakan apa-apa kerja bagi mana-mana institusi, syarikat, firma atau individu persendirian untuk mendapatkan upah;
- (c) sebagai seorang pakar, memberi apa-apa laporan atau keterangan pakar, sama ada dengan percuma atau untuk mendapatkan upah; atau
- (d) berfungsi sebagai seorang wasi, pentadbir atau penerima.

(2) Walaupun demikian, seseorang pegawai penguatkuasa boleh memohon kebenaran untuk mengusahakan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu dari jenis yang disebutkan dalam perenggan (1) kaedah ini bagi faedah dirinya atau faedah saudara-maranya yang dekat atau bagi mana-mana badan yang bukan mencari keuntungan yang dia ada memegang jawatan di dalamnya.

(3) Bagi menimbangkan sama ada kebenaran patut diberi atau tidak, Dato Bandar hendaklah mengambil perhatian tentang tatakelakuan yang ditetapkan dalam kaedah 4 dan, khususnya, hendaklah menjamin bahawa dengan kebenaran itu—

- (a) pekerjaan luar itu hendaklah jangan dilakukan dalam waktu pejabat dan semasa pegawai itu dikehendaki menjalankan tugas-tugas rasminya;
- (b) aktiviti itu tidak dengan apa-apa cara menjelaskan kepentingan pegawai penguatkuasa itu sebagai seorang pegawai penguatkuasa; dan
- (c) pekerjaan atau pengusahaan itu tidak akan dengan apa-apa cara bercanggah dengan kepentingan Dato Bandar atau menjadi hak konsisten dengan kedudukan pegawai penguatkuasa itu sebagai seorang pengkhidmat awam.

(4) Seseorang pegawai penguatkuasa yang bercuti termasuk bercuti sebelum bersara tidak boleh menerima apa-apa kerja persendirian untuk mendapat upah tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Dato Bandar.

(5) Kecuali setakat mana ditetapkan selainnya, segala jumlah wang yang diterima oleh mana-mana pegawai penguatkuasa sebagai saraan kerana mengusahakan mana-mana daripada perkhidmatan yang disebutkan dalam perenggan (1) kaedah ini hendaklah dibayar kepada Dato Bandar sebagai deposit sementara menantikan keputusan Dato Bandar mengenai amaun, jika ada, yang boleh disimpan oleh pegawai penguatkuasa itu sendiri dan oleh kakitangan pegawai penguatkuasa itu.

6. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan kaedah ini dan kaedah 7, seseorang pegawai penguatkuasa tidak boleh menerima atau memberi atau membenarkan isteri, anak-anak (jika ada, termasuk anak angkat), ibu-bapa, saudara-maranya atau mana-mana orang untuk menerima atau memberi bagi pihaknya, secara langsung atau tidak langsung apa-apa hadiah daripada atau kepada mana-mana orang—

Hadiah,  
hadiah  
dsb.

- (a) sama ada atau tidak penerimaan atau pemberian hadiah itu ada dengan apa-apa cara kena mengena dengan perlaksanaan tugas-tugas awam pegawai penguatkuasa itu; dan
- (b) sama ada atau tidak hadiah itu berupa wang, barang-barang, artikel-artikel, tambang percuma, kemudahan perjalanan, perkhidmatan, keraian atau apa-apa jua faedah lain sama ada yang ketara atau sebaliknya.

(2) Seseorang pegawai penguatkuasa tidak boleh menerima daripada mana-mana persatuan, badan atau kumpulan orang, atau daripada mana-mana pegawai lain apa-apa cenderamata yang bernilai tetapi Dato Bandar boleh membenarkan pegawai penguatkuasa itu menerima ucapan daripada mana-mana di antara mereka itu, sempena persaraan atau pertukaran pegawai penguatkuasa itu dengan syarat bahawa ucapan itu tidak terkandung dalam apa-apa bekas yang berharga.

(3) Kebenaran boleh diberi oleh Dato Bandar atau Ketua Direktorat Penguatkuasaan untuk membolehkan pungutan yuran secara spontan dibuat oleh pegawai-pegawai di bawahnya, atau mengadakan pungutan persendirian yang tidak dirayu-rayu dari kalangan pegawai penguatkuasa tersebut, bagi maksud memberi sesuatu hadiah kepada seseorang kakitangan jabatannya sempena persaraan, pertukaran atau perkahwinan kakitangan tersebut atau perkahwinan anak kakitangan tersebut atau sempena apa-apa hal lain yang sesuai.

(4) Jika hal-hal keadaannya menyebabkan sukar bagi seorang pegawai penguatkuasa hendak menolak hadiah atau cenderamata bernilai yang dilarang diterima oleh kaedah ini (misalnya, jika cadangan hendak memberi hadiah itu tidak diberitahu terlebih dahulu) maka hadiah itu bolehlah diterima secara rasmi tetapi dia hendaklah dengan seberapa segera yang praktik menghantar satu laporan bertulis kepada Dato Bandar yang mengandungi perihalan lengkap dan anggaran nilai hadiah itu dan hal-hal keadaan hadiah itu diterima. Sementara menunggu keputusan Dato Bandar pegawai itu adalah bertanggungjawab untuk menyimpan hadiah itu dengan selamat.

(5) Apabila menerima laporan yang dibuat di bawah perenggan (4) kaedah ini Dato Bandar hendaklah memutuskan sama ada—

- (a) membenarkan pegawai penguatkuasa itu menyimpan hadiah itu; atau
- (b) mengarahkan supaya hadiah itu dikembalikan kepada pemberinya melalui Dato Bandar.

**Keraian,**

7. Seseorang pegawai penguatkuasa tidak boleh memberi atau menerima apa-apa jenis keraian kepada atau daripada mana-mana orang, pertubuhan atau kumpulan orang sekiranya keraian itu dapat dengan apa-apa cara mempengaruhi perlaksanaan tugas rasminya sebagai seorang pegawai penguatkuasa bagi faedah kepentingan mana-mana orang, pertubuhan atau kumpulan; atau adalah dengan apa-apa cara tak konsisten dengan peruntukan tatakelakuan yang tersebut dalam kaedah 4.

**Pemunyaan  
harta alih  
atau tak  
alih.**

8. (1) Seseorang pegawai penguatkuasa hendaklah pada tarikh dia dilantik sebagai pegawai penguatkuasa dan selepasnya pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Dato Bandar mengisyiharkan kepada Dato Bandar semua harta, sama ada alih atau tak alih (tidak termasuk harta alih yang munasabah digunakan sebenarnya dan pada masa itu olehnya, oleh isteri atau anak-anaknya), kepunyaannya atau yang dipegang oleh seseorang bagi pihak dirinya atau bagi isteri atau anak-anaknya atau sekiranya tidak ada harta seperti itu dia hendaklah melaporkan dengan demikian itu. Dato Bandar hendaklah merekod atau menyebabkan direkod hal ini ke dalam Buku Perkhidmatan pegawai penguatkuasa itu.

(2) Jika, selepas membuat perisytiharan di bawah perenggan (1) seseorang pegawai penguatkuasa atau isterinya atau anaknya memperolehi apa-apa harta, sama ada alih atau tak alih, sama ada secara langsung atau tidak langsung (tidak termasuk harta alih yang munasabah diperlukan bagi kegunaannya sendiri, isterinya atau anaknya) dia hendaklah melaporkan segera perolehan itu kepada Dato Bandar.

(3) Jika seseorang pegawai penguatkuasa atau isterinya atau anaknya bercadang hendak memperolehi apa-apa harta sama ada secara langsung atau tidak langsung, sama ada alih atau tak alih, dan perolehan yang dicadang itu adalah tak konsisten dengan peruntukan-peruntukan kaedah 4 perolehan itu tidak boleh dibuat tanpa pegawai penguatkuasa itu terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Dato Bandar.

(4) Bagi memutuskan sama ada kebenaran di bawah perenggan (3) kaedah ini diberi atau tidak, Dato Bandar hendaklah mengambil perhatian tentang perkara-perkara yang berikut:

- (a) saiz, amaun atau nilai pegangan, pelaburan, rumah, tanah atau harta itu berbanding dengan emolumen rasmi pegawai penguatkuasa itu dan apa-apa pendapatan persendirian yang sah;
- (b) sama ada perolehan atau pegangan itu akan atau mungkin bercanggah dengan kepentingan-kepentingan perkhidmatan Dato Bandar, atau menjadi tak konsisten dengan kedudukan pegawai penguatkuasa itu sebagai seorang pegawai penguatkuasa atau dengan apa-apa cara tak konsisten dengan tatakelakuan yang dinyatakan dalam kaedah 4;
- (c) pendapat Ketua Direktorat Penguatkuasaan;

- (d) apa-apa faktor lain yang difikirkan perlu oleh Dato Bandar bagi menjaga keutuhan dan kecekapan perkhidmatan Dato Bandar.

(5) Di dalam kaedah ini—

“anak” termasuk anak angkat tetapi tidak termasuk anak yang bukan tanggungan pegawai penguatkuasa itu;

“harta” termasuklah apa-apa jua perihalan harta yang boleh ditetapkan oleh Dato Bandar dari semasa ke semasa.

9. (1) Jika Dato Bandar atau Ketua Direktorat Penguatkuasaan berpendapat bahawa seseorang pegawai penguatkuasa adalah atau didapati—

- (a) menyenggara suatu taraf hidup yang melebihi emolument rasminya dan lain-lain pendapatan persendirianya yang sah, jika ada; atau
- (b) menguasai atau memiliki sumber-sumber kewangan atau harta, alih atau tak alih, yang nilainya tidak seimbang dengan, atau yang tidak munasabah dijangka boleh diperolehi oleh pegawai penguatkuasa itu dengan emolument rasminya dan apa-apa pendapatan persendirianya yang sah,

Menyenggara taraf hidup melebihi emolument rasmi dan pendapatan persendirian yang sah.

Dato Bandar atau Ketua Direktorat Penguatkuasaan hendaklah, melalui surat, meminta pegawai penguatkuasa itu menjelaskan secara bertulis dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat itu diterima bagaimana dia boleh menyenggara taraf hidup tersebut atau bagaimana dia telah mendapat sumber-sumber kewangan atau harta itu.

(2) Setelah penjelasan diterima daripada pegawai penguatkuasa yang berkenaan atau sekiranya pegawai penguatkuasa itu gagal memberi apa-apa penjelasan, Dato Bandar atau Ketua Direktorat Penguatkuasaan hendaklah melaporkan fakta ini kepada Lembaga Tatatertib dengan menyertakan penjelasan pegawai penguatkuasa itu, jika ada. Lembaga Tatatertib boleh berikutan dengan itu mengambil tindakan tatatertib terhadap pegawai penguatkuasa itu dengan tujuan buang kerja mengikut kaedah 25 atau mengambil apa-apa langkah sebagaimana yang ia fikirkan patut.

10. (1) Tiada seorang pegawai penguatkuasa boleh meminjam daripada mana-mana orang atau menjadi penjamin atau penggerenti kepada mana-mana orang peminjam, atau dengan apa-apa cara menyebabkan dirinya berada di bawah obligasi kewangan kepada mana-mana orang—

- (a) yang secara langsung atau tidak langsung tertakluk kepada kuasa rasminya;
- (b) yang dengannya pegawai penguatkuasa itu ada atau mungkin ada urusan rasmi;
- (c) yang tinggal atau memiliki tanah atau menjalankan urusan di dalam kawasan kuasa rasminya; atau

Meminjam wang.

(d) yang menjalankan perniagaan memberi pinjaman wang.

Bagi maksud kaedah ini perkataan "orang" adalah termasuk kumpulan yang diperbadankan atau tidak diperbadankan.

*Akta 372*

(2) Seseorang pegawai penguatkuasa boleh, bagaimanapun, meminjam atau menjadi penjamin atau penggerenti kepada mana-mana peminjam daripada bank, syarikat insurans, syarikat kerjasama atau syarikat kewangan yang dileSEN di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 atau berhutang dengan cara memperolehi barang-barang melalui perjanjian sewa beli dengan syarat bahawa—

- (a) bank, syarikat insurans, syarikat kerjasama atau syarikat kewangan dari mana pegawai penguatkuasa itu meminjam tidaklah secara langsung tertakluk kepada kuasa rasminya;
- (b) pinjaman itu hendaklah jangan membawa kepada skandal awam dan tidak boleh ditafsirkan bahawa pegawai penguatkuasa itu telah menyalahgunakan kedudukan awamnya untuk faedah persendirianya; atau
- (c) agregat hutangnya tidak menyebabkan atau tidak mungkin menyebabkan dia menanggung keterhutangan wang yang berat sebagaimana yang ditakrifkan di bawah kaedah 11.

(3) Tertakluk kepada perenggan (2), seseorang pegawai penguatkuasa boleh menanggung hutang-hutang yang berikut:

- (a) jumlah wang dipinjam atas cagaran tanah yang digadai atau gadai-janjikan, jika jumlah wang tersebut tidak lebih daripada nilai tanah tersebut;
- (b) overdraf yang dibenarkan oleh bank;
- (c) jumlah wang yang dipinjam daripada syarikat insurans atas cagaran polisi;
- (d) jumlah wang yang dipinjam daripada Dato Bandar atau syarikat kerjasama;
- (e) jumlah wang yang kena dibayar atas barang-barang yang diperolehi melalui perjanjian sewa-beli.

Keter-  
hutangan  
wang yang  
berat.

11. (1) Bagi maksud Kaedah-Kaedah ini ungkapan "keterhutangan wang yang berat" ertiNA keadaan keterhutangan seseorang pegawai penguatkuasa yang, memandangkan amaun hutang yang ditanggung olehnya, telah sebenarnya menyebabkan kesulitan kewangan yang berat terhadap dirinya; dan tanpa menyentuh pengertian am akan ungkapan tersebut, seseorang pegawai penguatkuasa hendaklah disifatkan sebagai berada dalam keterhutangan wang yang berat—

- (a) di mana agregat hutang dan liabiliti yang tidak bercagar seseorang pegawai penguatkuasa pada bila-bila masa tertentu adalah lebih daripada tiga kali emolumen bulanannya;
- (b) jika pegawai penguatkuasa itu seorang penghutang penghakiman dan hutang penghakiman itu belum lagi

dijelaskan dalam tempoh satu bulan dari tarikh hukuman itu; atau

- (c) jika pegawai penguatkuasa itu seorang bankrap atau seorang pemakan gaji tak solven, mengikut mana yang berkenaan, selagi apa-apa penghakiman terhadapnya yang menyebelah kepada Pegawai Pemegang Harta masih belum ditunaikan.

(2) Keterhutangan wang yang berat daripada apa jua pun sebab selain daripada malang yang tidak dapat dielakkan yang tidak disebabkan dengan apa-apa cara oleh pegawai penguatkuasa itu sendiri hendaklah dianggap sebagai menjatuhkan reputasi perkhidmatan Dato Bandar dan menyebabkan dia boleh dikenakan tindakan tatatertib.

(3) Sekiranya keterhutangan wang yang berat yang telah berlaku itu adalah hasil malang yang tidak dapat dielakkan, maka Dato Bandar boleh memberi kepada pegawai penguatkuasa itu apa-apa bantuan yang difikirkan perlu mengikut hal keadaannya.

(4) Sekiranya seseorang pegawai penguatkuasa mendapati bahawa hutangnya menyebabkan atau mungkin menyebabkan keterhutangan wang yang berat kepadanya, maka dia hendaklah segera melaporkan fakta itu kepada Dato Bandar melalui Ketua Direktorat Penguatkuasaan.

(5) Seseorang pegawai penguatkuasa yang gagal atau melengah-lengahkan melapor keterhutangan wang yang berat atau yang melaporkannya tetapi gagal mendedahkan sepenuhnya atau memberi penjelasan yang palsu atau yang mengelirukan mengenainya, adalah bersalah atas kesalahan melanggar tatatertib yang berat (apa jua pun yang telah menyebabkan keterhutangan wang yang berat itu pada mulanya) dan menyebabkan dia boleh dikenakan tindakan tatatertib.

(6) Selagi seseorang pegawai penguatkuasa itu berada dalam keterhutangan wang yang berat dia boleh hilang kelayakan untuk kenaikan pangkat atau memangku sesuatu jawatan yang lebih tinggi atau menanggung kerja suatu jawatan lain di samping tugas-tugas sendiri.

(7) Jika hutang seseorang pegawai penguatkuasa mengakibatkan keterhutangan wang yang berat tetapi dia belum dihukum bankrap atau seorang pemakan gaji yang tak solven, maka kesnya hendaklah dikaji semula pada tiap-tiap tahun oleh Dato Bandar.

12. (1) Pendaftar atau Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi mengenai prosiding dalam Mahkamah Tinggi dan Pendaftar Mahkamah Sesyen mengenai prosiding dalam Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret hendaklah melaporkan kepada Dato Bandar kes tiap-tiap seorang pegawai penguatkuasa—

- (a) yang, sebagai seorang penghutang penghakiman tidak didapati dari fail guaman sebagai telah menjelaskan hutangnya dalam tempoh satu bulan dari tarikh penghakiman;

Laporan  
mengenai  
keterhutangan  
wang yang  
berat, dsb.  
daripada  
mahkamah dan  
Pegawai  
Pemegang  
Harta.

- (b) yang telah memfailkan petisyen dalam kebankrapan sendiri atau untuk mendapatkan perintah pentadbiran pemakan gaji; atau
- (c) yang terhadapnya suatu petisyen kebankrapannya oleh pemutang telah diserahkan.

(2) Pegawai Pemegang Harta hendaklah, sesudah sahaja dia menjalankan penyiasatan dengan cukup tentang hal-hewal seseorang pegawai penguatkuasa yang menjadi bankrap atau pemakan gaji yang tidak solven, menyampaikan kepada Dato Bandar—

- (a) Pernyataan Hal-Ehwal yang difailkan oleh sibankrap atau pemakan gaji yang tak solven itu mengikut undang-undang kebankrapan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa;
- (b) amaun perintah ansuran yang dicadangkan atau yang dibuat;
- (c) sama ada atau tidak Pegawai Pemegang Harta bercadang hendak memulakan apa-apa prosiding lanjut atau tidak dan, jika ada, suatu ringkasan sifatnya;
- (d) sebab utama kebankrapan itu;
- (e) sama ada pada pendapatnya kes itu disebabkan oleh malang yang tidak dapat dielakkan, kelakuan aib atau apa-apa hal keadaan khas yang lain, sama ada yang menyebelah atau tidak menyebelah pegawai penguatkuasa itu;
- (f) apa-apa perkara lain yang difikirkannya patut disebut menurut budibicaranya.

(3) Setelah menimbangkan laporan di bawah perenggan (2) kaedah ini dan mengambil kira kerja dan kelakuan pegawai penguatkuasa itu sebelum dan semenjak dia berada dalam keterhutangan wang yang berat, Dato Bandar hendaklah memutuskan sama ada hendak mengambil tindakan tatatertib atau tidak, dan sekiranya dia memutuskan sedemikian, dia hendaklah merujuk perkara berkenaan kepada Lembaga Tatatertib.

(4) Sekiranya tindakan tatatertib diambil dan hukuman yang dikenakan berupa pemberhentian atau penangguhan kenaikan gaji, maka Dato Bandar boleh di atas syor Lembaga Tatatertib, apabila habis tempoh pemberhentian atau penangguhan kenaikan gaji tersebut, memerintah supaya amaun sebanyak kenaikan gaji yang dipulihkan itu ditambah kepada ansuran-ansuran yang kena dibayar kepada Pegawai Pemegang Harta atau kepada mana-mana pemutang penghakiman.

(5) Seseorang pegawai penguatkuasa yang mendapat pembatalan kebankrapannya bolehlah dianggap sebagai telah memulihkan kedudukan kewangannya dengan sepenuhnya.

13. Seseorang pegawai penguatkuasa tidak boleh meminjamkan wang dengan faedah sama ada dengan atau tanpa cagaran, dengan syarat bahawa menyimpan wang secara simpanan tetap dalam mana-mana bank atau dalam akaun mana-mana bank atau dalam mana-mana

syarikat kewangan yang dilesen di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 atau dalam mana-mana sekuriti atau saham yang dikeluarkan oleh Kerajaan atau oleh mana-mana badan berkanun, tidaklah dianggap sebagai meminjamkan wang dengan faedah.

14. Seseorang pegawai penguatkuasa tidak boleh menspekulasi tentang naik dan turun harga komoditi, sama ada tempatan atau luar negeri, atau membeli atau menjual sekuriti-sekuriti dengan keuntungan. Spekulasi ditegah.

15. Seseorang pegawai penguatkuasa tidak boleh mengadakan refel atau loteri akan harta persendirianya. Refel dan loteri.

16. Seseorang pegawai penguatkuasa tidak boleh menerbitkan atau menulis apa-apa buku, makalah atau lain-lain karya yang berdasarkan maklumat rasmi terperingkat. Penerbitan buku.

17. (1) Seseorang pegawai penguatkuasa tidak boleh, sama ada secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain, membuat apa-apa pernyataan awam berhubung dengan apa-apa polisi, program atau keputusan Dato Bandar dan dia juga tidak boleh mengedarkan apa-apa pernyataan sedemikian sama ada dibuat olehnya atau oleh mana-mana orang lain kecuali dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu sama ada secara am atau khusus, daripada Dato Bandar. Pernyataan awam dilarang.

Dengan syarat bahawa Ketua Direktorat Penguatkuasaan atau timbalannya boleh membuat pernyataan awam sama ada secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain bagi tujuan—

- (a) memberi apa-apa maklumat faktual berhubungan dengan Direktorat Penguatkuasaan; atau
- (b) memberi apa-apa penjelasan mengenai apa-apa kejadian atau laporan berhubungan dengan Direktorat Penguatkuasaan,

atau mengedarkan apa-apa pernyataan sedemikian, sama ada dibuat olehnya atau timbalannya.

(2) Walau apa pun peruntukan-peruntukan perenggan (1) atau proviso kepadanya seseorang pegawai penguatkuasa tidak boleh, sama ada secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain, membuat apa-apa pernyataan awam yang memudarkan apa-apa polisi, program atau keputusan Dato Bandar atau yang boleh memalukan Dato Bandar atau membuat apa-apa ulasan mengenai kebaikan-kebaikan atau kekurangan-kekurangan apa-apa polisi, program atau keputusan Dato Bandar atau mengedarkan apa-apa pernyataan sedemikian sama ada dibuat olehnya atau mana-mana orang lain:

Dengan syarat bahawa peruntukan-peruntukan terdahulu dari perenggan ini tidaklah terpakai kepada apa-apa pernyataan awam atau pengedaran apa-apa pernyataan yang teksnya telah diluluskan dengan kebenaran bertulis di bawah perenggan (1).

(3) Bagi maksud kaedah ini, "pernyataan awam" termasuk membuat apa-apa pernyataan atau ulasan kepada akhbar atau kepada awam atau semasa memberi syarahan atau ucapan awam atau dalam mana-mana penyiaran melalui bunyi atau penglihatan.

Dilarang bertindak sebagai penyunting, dsb. bagi suratkhabar, dsb.

18. Seseorang pegawai penguatkuasa tidak boleh bertindak sebagai penyunting, atau mengambil bahagian secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan, atau dengan apa-apa cara memberi sumbangan kewangan kepada, mana-mana penerbitan termasuklah suratkhabar, majalah atau jurnal kecuali yang berikut:

- (a) penerbitan-penerbitan jabatan atau kakitangan;
- (b) penerbitan-penerbitan professional; dan
- (c) penerbitan-penerbitan pertubuhan sukarela yang tidak bercorak politik.

Aktiviti-aktiviti politik.

19. (1) Bagi maksud mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan politik pegawai-pegawai penguatkuasa adalah dibahagikan kepada dua kumpulan—

- (a) Kumpulan "A"—Kumpulan ini terdiri daripada pegawai-pegawai penguatkuasa yang memegang jawatan-jawatan yang berkehendakan Ijazah Universiti atau kelayakan profesional atau yang setara dengan kelayakan masuk; dan
- (b) Kumpulan "B"—Kumpulan ini terdiri daripada semua pegawai penguatkuasa yang bukan dalam kumpulan "A".

(2) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan (4), seseorang pegawai penguatkuasa dalam Kumpulan "A" adalah dilarang mengambil bahagian dalam atau menjalankan aktiviti-aktiviti politik atau memakai mana-mana lambang sesuatu parti politik. Pegawai penguatkuasa itu hendaklah mengecualikan dirinya dalam hal-hal politik, dan khususnya dia tidak boleh—

- (a) membuat pernyataan secara terbuka sama ada secara lisan atau bertulis, yang menunjukkan pandangan yang memihak mengenai apa-apa perkara yang menjadi isu di antara parti-parti politik;
- (b) menerbitkan atau mengedarkan buku, artikel atau risalah yang mengemukakan pandangannya yang memihak tentang perkara-perkara mengenai suatu parti politik;
- (c) terlibat dalam merayu sokongan bagi mana-mana calon di suatu pemilihan untuk apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik; atau
- (d) bertindak sebagai seorang agen pilihanraya atau agen pengundian atau dalam apa-apa jawatan untuk atau bagi pihak seseorang calon dalam suatu pilihanraya bagi Dewan Rakyat atau bagi Dewan Negeri.

(3) Seseorang pegawai penguatkuasa dalam Kumpulan "B" boleh dilantik sebagai ahli jawatankuasa sesuatu parti politik setelah terlebih dahulu memperolehi kebenaran secara bertulis dari Dato Bandar.

(4) Seseorang pegawai penguatkuasa yang bercuti sebelum bersara boleh mengambil bahagian yang aktif dalam aktiviti-aktiviti politik dengan syarat—

- (a) dia telah terlebih dahulu mendapat kelulusan Dato Bandar untuk mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti tersebut; dan
- (b) dengan melibatkan diri sedemikian dia tidak melanggar peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972.

*Akta 88.*

Permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk mengambil bahagian aktif dalam aktiviti-aktiviti politik boleh dibuat pada bila-bila masa sebelum pegawai penguatkuasa itu bercuti sebelum bersara.

20. (1) Jika seseorang pegawai penguatkuasa berhasratkan bantuan guaman sebagaimana diperuntukkan di bawah perenggan (3) kaedah ini dia tidak boleh memulakan prosiding undang-undang bagi kepentingan peribadinya berhubung dengan perkara-perkara yang berbangkit daripada tugas-tugas awamnya tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan Dato Bandar.

Memulakan prosiding undang-undang dan bantuan guaman.

(2) Seseorang pegawai penguatkuasa yang menerima notis mengenai pemulaan prosiding undang-undang yang dicadangkan hendak dibawa terhadapnya berhubung dengan perkara-perkara yang berbangkit daripada tugas-tugas awamnya atau yang menerima apa-apa proses mahkamah berkaitan dengan prosiding undang-undang tersebut hendaklah segera melaporkan perkara itu kepada Dato Bandar untuk mendapat arahan sama ada dan bagaimana notis atau, mengikut mana yang berkenaan, proses mahkamah itu hendak diakuterima, dijawab atau dibela.

(3) Seseorang pegawai penguatkuasa yang berhasratkan bantuan guaman untuk menggunakan khidmat dan mengarahkan seorang peguambela dan peguamcara bagi maksud prosiding undang-undang berhubung dengan perkara-perkara yang berbangkit daripada tugas-tugas awamnya boleh membuat permohonan kepada Dato Bandar. Permohonan tersebut hendaklah mengandungi segala fakta dan hal keadaan kes itu.

(4) Selepas penerimaannya, Dato Bandar boleh memberar atau menolak permohonan tersebut dan jika dia membenarkan permohonan itu, dia akan memutuskan—

- (a) amaun bantuan guaman yang akan dibenarkan;
- (b) peguambela dan peguamcara yang hendak diguna khidmat guamannya dan diberi arahan oleh pegawai penguatkuasa itu; atau
- (c) apa-apa syarat lain yang difikirkan baik oleh Dato Bandar,

dan selanjutnya kepada syarat tersirat bahawa dalam keadaan pegawai penguatkuasa itu diaward kos oleh mahkamah di akhir prosiding undang-undang tersebut, maka Dato Bandar tidak akan membuat apa-apa bayaran mengenai bantuan guaman yang telah dibenarkan

melainkan jika amaun kos yang telah diaward kepadanya tidak mencukupi untuk membayar caj-caj mengguna khidmat dan mengarahkan seorang peguambela dan peguamcara.

(5) Caj untuk mengambil kerja seseorang peguambela dan peguamcara untuk digunakan khidmat dan diarah oleh atau bagi pihak seseorang pegawai penguatkuasa dalam prosiding undang-undang berhubung dengan perkara-perkara yang berbangkit daripada tugas awamnya kecuali dengan sebab kebenaran Dato Bandar tidak akan dibayar.

Tidak hadir  
bertugas  
tanpa cuti.

21. (1) Ketidakhadiran bertugas tanpa cuti atau mendapat kebenaran terlebih dahulu atau tanpa sebab yang munasabah boleh menyebabkan seseorang pegawai penguatkuasa dikenakan tindakan tatatertib.

(2) Bagi maksud kaedah ini, "ketidakhadiran" termasuk gagal hadir untuk apa-apa jangka masa jua pun pada masa dan di tempat di mana pegawai penguatkuasa itu dikehendaki hadir bagi melaksanakan tugas-tugasnya.

(3) Jika seseorang pegawai penguatkuasa tidak hadir selama tempoh tidak lebih daripada tujuh hari kerja, dalam mana-mana bulan kalender, maka atas laporan Ketua Direktorat Penguatkuasaan, Lembaga Tatatertib dalam kes di mana difikirkan adalah tidak adil diambil tindakan tatatertib dengan tujuan membuang kerja, boleh menyelesaikan dengan pegawai itu mengikut kaedah 25 dan mengenakan apa-apa hukuman yang difikirkannya patut, dan dalam keadaan itu pegawai itu tidaklah berhak mendapat apa-apa gaji atau saraan selama tempoh yang dia telah tidak hadir.

(4) Jika seseorang pegawai penguatkuasa tidak hadir selama tempoh lebih daripada tujuh hari kerja dalam mana-mana bulan kalender, atau lebih tujuh hari kerja yang berturut-turut, maka fakta itu hendaklah dilaporkan segera oleh Ketua Direktorat Penguatkuasaan kepada Lembaga Tatatertib berserta dengan tarikh-tarikh dan hal keadaan ketidakhadiran itu dan apa-apa maklumat lanjut yang mungkin dikehendaki berhubung dengan pegawai penguatkuasa itu. Setelah menimbangkan laporan tersebut, Lembaga Tatatertib boleh kemudiannya mengambil tindakan tatatertib terhadap pegawai penguatkuasa itu mengikut kaedah 25 dengan tujuan membuang kerja atau menurunkan pangkat. Sementara menanti keputusan Lembaga Tatatertib pegawai penguatkuasa itu tidaklah berhak mendapat apa-apa gaji atau saraan selama tempoh dia telah tidak hadir itu.

(5) Jika seseorang pegawai penguatkuasa tidak hadir bekerja dan tidak dapat dikesan, Ketua Direktorat Penguatkuasaan hendaklah mengarahkan supaya suatu surat "A.T." (Akuan Terima) berdaftar dihantar kepada pegawai penguatkuasa itu ke alamatnya yang akhir diketahui menghendaki dia memberi penjelasan mengapa dia tidak hadir dan pada masa yang sama mengarahkannya supaya melaporkan diri untuk bekerja dengan serta merta. Jika dalam tempoh tujuh hari selepas menerima surat tersebut pegawai penguatkuasa itu melaporkan diri untuk bekerja, Lembaga Tatatertib hendaklah mengambil tindakan tatatertib sama ada mengikut perenggan (3) atau

(4) kaedah ini. Jika tujuh hari selepas pegawai penguatkuasa itu menerima surat itu, dia masih tidak hadir atau tiada apa-apa perkhabaran didapati mengenainya atau daripadanya, Ketua Direktorat Penguatkuasaan hendaklah menghantar satu laporan kepada Lembaga Tatatertib sebagaimana dikehendaki di bawah perenggan (4). Setelah menimbangkan laporan tersebut Lembaga Tatatertib hendaklah mengambil tindakan tatatertib sama ada mengikut perenggan (3) atau (4) kaedah ini, tetapi dalam hal di mana surat tersebut dikembalikan tak terserah, Lembaga Tatatertib hendaklah mengambil langkah untuk memberitahu dalam *Warta* hal yang pegawai penguatkuasa itu tidak hadir dan tidak dapat dikesan.

(6) Jika walaupun pemberitahuan telah disiarkan dalam *Warta*, pegawai penguatkuasa itu masih tidak kembali bekerja dalam tempoh tujuh hari dari tarikh penyiaran *Warta* itu, pegawai penguatkuasa itu hendaklah disifatkan sebagai telah dibuang kerja daripada perkhidmatan berkuatkuasa dari tarikh dia tidak hadir bertugas. Jika dalam tempoh tujuh hari selepas penyiaran *Warta* itu pegawai penguatkuasa itu melaporkan diri untuk bekerja, Lembaga Tatatertib hendaklah mengambil tindakan tatatertib sama ada mengikut perenggan (3) atau (4) kaedah ini.

22. (1) Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap pegawai penguatkuasa untuk menjalankan kawalan dan penyeliaan tatatertib ke atas pegawai penguatkuasa bawahannya dan mengambil tindakan yang sesuai dalam tiap-tiap kes pelanggaran mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini termasuk kelakuan atau kerja yang tidak memuaskan.

Melaporkan kerja atau kelakuan yang tidak memuaskan.

(2) Jika gagal berbuat demikian, maka pegawai penguatkuasa itu hendaklah disifatkan sebagai telah melakukan kesalahan kerana tidak cekap dan dengan demikian dia boleh dikenakan tindakan tatatertib.

### BAHAGIAN III

#### PROSEDUR TATATERTIB

23. Dalam semua prosiding tatatertib di bawah Bahagian ini, tiada seorang pegawai penguatkuasa boleh dibuang kerja atau diturunkan pangkat melainkan jika dia telah beritahu secara bertulis mengenai alasan-alasan atas mana tindakan yang dicadangkan itu hendak diambil terhadapnya dan dia telah diberi peluang yang munasabah untuk didengar:

Syarat-syarat bagi membuang kerja atau menurunkan pangkat.

Dengan syarat bahawa kaedah ini tidak boleh dipakai bagi kes-kes yang berikut—

- (a) jika Lembaga Tatatertib berpuashati bahawa kerana sesuatu sebab, yang akan direkodkan olehnya secara bertulis, adalah secara praktikalnya tidak munasabah untuk melaksanakan kehendak-kehendak kaedah ini; atau
- (b) jika Yang di-Pertuan Agong berpuashati bahawa demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya adalah tidak bermanfaat untuk melaksanakan kehendak-kehendak kaedah ini.

Perlantikan  
Lembaga  
Tata tertib  
dan Lembaga  
Tata tertib  
Rayuan.

24. (1) Bagi maksud Bahagian ini Dato Bandar boleh melantik suatu Lembaga Tatatertib untuk menjalankan fungsi tatatertib, dan dalam penjalanan fungsi itu, Lembaga Tatatertib hendaklah mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan tatatertib dan mengenakan hukuman seperti yang boleh ditetapkan di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(2) Tanpa menyentuh perenggan (1), Dato Bandar boleh melantik suatu Lembaga Tatatertib bebas untuk mengendalikan kes-kes berkenaan yang difikirkannya perlu.

(3) Semua tindakan tatatertib yang diambil oleh Lembaga Tatatertib bebas itu hendaklah dikendalikan dengan cara seperti yang diperuntukkan dalam kaedah 25.

(4) Dato Bandar boleh melantik suatu Lembaga Tatatertib Rayuan untuk menerima, menimbang dan memutuskan apa-apa rayuan terhadap keputusan Lembaga Tatatertib dan memberi keputusan atasnya sebagaimana yang difikirkannya olehnya sesuai dan patut.

(5) Lembaga Tatatertib Rayuan boleh menurut budibicaranya mengesahkan, mengurangkan, menambah atau mengakaskan hukuman yang dikenakan oleh Lembaga Tatatertib.

Prosedur  
dalam  
prosiding  
tatatertib.

25. (1) Dalam tiap-tiap kes mengenai pelanggaran tatatertib yang dikatakan dilakukan oleh seseorang pegawai penguatkuasa, Lembaga Tatatertib hendaklah memberitahu pegawai itu secara bertulis mengenai fakta-fakta pelanggaran tatatertib yang dikatakan terhadapnya itu dan hendaklah memberi peluang kepada pegawai penguatkuasa itu untuk membuat representasi secara bertulis, dalam tempoh tidak lebih daripada empat belas hari terhadap tuduhan itu.

(2) Sekiranya pegawai penguatkuasa itu membuat representasi dan mengaku pertuduhan itu, Lembaga Tatatertib boleh terus mengenakan mana-mana satu atau lebih daripada hukuman-hukuman yang dinyatakan dalam kaedah 35. Walau bagaimanapun, dalam keadaan Lembaga Tatatertib berpendapat kes itu memerlukan penjelasan lanjut, Lembaga Tatatertib boleh memanggil pegawai penguatkuasa itu untuk hadir di hadapan Lembaga Tatatertib dan selepas mendapatkan penjelasan yang difikirkannya perlu mengenakan hukuman yang difikirkannya patut.

(3) Hukuman yang dikenakan di bawah perenggan (2) hendaklah disampaikan kepada pegawai penguatkuasa itu secara bertulis.

(4) Sekiranya pegawai penguatkuasa itu gagal membuat representasi selepas tamat tempoh yang dinyatakan di bawah perenggan (1), Lembaga Tatatertib hendaklah terus mendengar kes itu.

(5) Pengurus Lembaga Tatatertib hendaklah memberitahu pegawai penguatkuasa itu secara bertulis bahawa pada hari yang dinyatakan, kes terhadapnya akan dibawa di hadapan Lembaga Tatatertib dan dia dikehendaki hadir di hadapan Lembaga itu untuk membebaskan dirinya daripada pertuduhan.

(6) Apabila pegawai penguatkuasa itu hadir di hadapan Lembaga Tatatertib, pertuduhan terhadapnya hendaklah diterangkan kepadanya dan dia hendaklah ditanya sama ada dia mengaku atau tidak mengaku pertuduhan itu.

(7) Sekiranya pegawai penguatkuasa itu mengaku pertuduhan itu, akuannya hendaklah direkodkan dan Lembaga Tatatertib boleh mengenakan mana-mana satu atau lebih daripada hukuman-hukuman yang dinyatakan dalam kaedah 35.

(8) Sekiranya pegawai penguatkuasa itu tidak mengaku pertuduhan itu, Lembaga Tatatertib hendaklah terus mendengar pengadu dan mana-mana saksi dan mengambil semua keterangan yang dikemukakan bagi menyokong kes itu.

(9) Lembaga Tatatertib boleh melantik seorang pegawai dalam perkhidmatan Dato Bandar untuk membantu Lembaga itu menjalankan prosiding tersebut.

(10) Sekiranya saksi-saksi diperiksa oleh Lembaga Tatatertib, pegawai penguatkuasa itu hendaklah dibenarkan memeriksabasal semula saksi-saksi dan tiada keterangan dokumentar boleh digunakan terhadapnya melainkan jika dianya telah terlebih dahulu diberi satu salinannya atau pegawai penguatkuasa itu tiada bantahan untuk dokumen itu dikemukakan. Sekiranya pegawai penguatkuasa itu membantah dokumen itu dikemukakan, Lembaga Tatatertib hendaklah menangguhkan perbicaraan ke masa depan.

(11) Sekiranya selepas menimbangkan semua keterangan, Lembaga Tatatertib mendapati tiada kes untuk membuktikan pegawai itu bersalah, Lembaga Tatatertib hendaklah merekodkan suatu perintah pelepasan, atau, jika Lembaga Tatatertib mendapati ada suatu kes *prima facie* untuk membuktikan pegawai penguatkuasa itu bersalah, ia hendaklah memanggil pegawai penguatkuasa itu membuat pembelaannya.

(12) Pegawai penguatkuasa itu boleh memanggil dan menyoal mana-mana saksi dan boleh diwakili oleh seorang pegawai dalam perkhidmatan Dato Bandar atau seorang peguambela atau peguamcara dan apa-apa fee, kos atau perbelanjaan yang berkaitan dengannya hendaklah ditanggung oleh pegawai penguatkuasa itu.

(13) Sekiranya, setelah menimbangkan semua keterangan, Lembaga Tatatertib berpendapat—

- (a) bahawa pegawai penguatkuasa itu patut dibuang kerja atau diturunkan pangkat, maka ia hendaklah serta-merta mengarahkan sewajarnya;
- (b) bahawa pegawai penguatkuasa itu tidak patut dibuang kerja atau diturunkan pangkat, tetapi patut menerima hukuman yang lebih ringan ia boleh mengenakan ke atas pegawai penguatkuasa itu apa-apa hukuman yang lebih ringan sebagaimana yang difikirkannya patut; atau

(c) bahawa prosiding itu mendedahkan alasan-alasan yang cukup untuk menghendaki supaya pegawai penguatkuasa itu bersara demi kepentingan awam, ia hendaklah mengesyorkan Dato Bandar dengan seujarnya. Soal pencegahan hendaklah diuruskan di bawah undang-undang pencegahan yang relevan serta berkuatkuasa.

(14) Sekiranya pegawai penguatkuasa itu tidak hadir di Lembaga Tatatertib pada tarikh dan masa yang ditentukan untuk kehadirannya dan tiada cukup alasan diberi untuk penangguhan, Lembaga Tatatertib boleh terus mendengar dan memutuskan pengaduan dan tanpa kehadiran pegawai penguatkuasa itu mengenakan mana-mana hukuman menurut perenggan (13) atau boleh menangguhkan perbicaraan itu ke masa depan.

(15) Lembaga Tatatertib hendaklah menyampaikan keputusannya yang dibuat di bawah perenggan (14) secara bertulis kepada pegawai penguatkuasa itu.

(16) Pengerusi Lembaga Tatatertib atau mana-mana pegawai yang dilantik oleh Pengerusi hendaklah menulis semua keterangan yang dikemukakan di hadapan Lembaga Tatatertib.

(17) Pegawai penguatkuasa yang terkilan oleh keputusan Lembaga Tatatertib boleh dalam tempoh empatbelas hari dari tarikh keputusan itu disampaikan kapadanya merayu kepada Lembaga Tatatertib Rayuan.

Prosiding  
jenayah  
terhadap  
seseorang  
pegawai  
penguatkuasa.

26. (1) Jika prosiding jenayah dibawa terhadap seseorang pegawai penguatkuasa, Pendaftar atau Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah di mana prosiding tersebut dibawa, hendaklah menghantar kepada Dato Bandar satu laporan mengandungi maklumat berikut:

- (a) pada permulaan prosiding tersebut, maklumat yang berikut:
  - (i) pertuduhan atau pertuduhan-pertuduhan terhadap pegawai penguatkuasa itu;
  - (ii) sekiranya ditangkap, tarikh dan waktu pegawai penguatkuasa itu ditangkap;
  - (iii) sama ada pegawai penguatkuasa itu dalam jaminan atau tidak; dan
  - (iv) apa-apa maklumat lain yang relevan; dan
- (b) pada akhir prosiding tersebut, penghakiman mahkamah.

(2) Apabila Ketua Direktorat Penguatkuasaan mengetahui bahawa prosiding jenayah sedang dibawa terhadap seseorang pegawai penguatkuasa, dia hendaklah mendapatkan suatu laporan daripada Pendaftar atau Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah yang berkenaan yang mengandungi maklumat seperti dalam perenggan 1 (a). Apabila menerima laporan itu, Ketua Direktorat Penguatkuasaan hendaklah memajukannya kepada Lembaga Tatatertib berserta dengan syornya sama ada pegawai penguatkuasa itu patut digantung kerja atau tidak.

(3) Setelah menimbangkan laporan tersebut dan syor Ketua Direktorat Penguatkuasaan, Lembaga Tatatertib boleh, tertakluk kepada kaedah 29, menggantung pegawai penguatkuasa itu daripada menjalankan tugasnya.

(4) Jika prosiding jenayah terhadap pegawai penguatkuasa itu berkeputusan dengan dia disabitkan, Lembaga Tatatertib hendaklah menggantung pegawai penguatkuasa itu daripada menjalankan tugasnya dari tarikh sabitannya sementara menanti keputusan di bawah kaedah 32.

(5) Jika prosiding jenayah terhadap pegawai penguatkuasa itu berkeputusan dengan dia dibebaskan dan tiada rayuan dibuat terhadap pembebasan tersebut oleh atau bagi pihak Pendakwa Raya, maka pegawai itu boleh menjalankan tugasnya semula dan dia hendaklah dibenarkan menerima bahagian emolumennya yang belum dibayar yang ditahan semasa dia digantung kerja. Tetapi jika rayuan dibuat terhadap pembebasan tersebut, Lembaga Tatatertib hendaklah memutuskan sama ada pegawai penguatkuasa itu patut terus digantung kerja sehingga rayuan tersebut diselesaikan atau tidak.

Dalam kaedah ini perkataan "pembebasan" termasuklah "pelepasan tanpa pembebasan".

27. Jika prosiding jenayah sedang dibawa terhadap seseorang pegawai penguatkuasa, tiada apa-apa prosiding untuk membuang kerja pegawai penguatkuasa itu atas apa-apa alasan yang dimasukkan dalam pertuduhan jenayah itu boleh diambil terhadapnya sementara menanti prosiding jenayah itu selesai, tetapi tiada apa-apa jua dalam kaedah ini boleh menghalang tindakan tatatertib diambil terhadapnya semasa prosiding tersebut atas apa-apa alasan lain yang berbangkit daripada kelakuannya semasa melaksanakan tugas-tugasnya.

Prosiding  
tatatertib  
tidak boleh  
diambil  
sementara  
menanti  
selesainya  
prosiding  
jenayah.

28. Seseorang pegawai penguatkuasa yang dibebaskan tidak boleh dibuang kerja atas pertuduhan yang dia telah dibebaskan tetapi tiada apa-apa jua dalam kaedah ini boleh menghalang tindakan tatatertib diambil terhadap pegawai penguatkuasa itu atas apa-apa alasan lain yang berbangkit daripada kelakuannya dalam perkara itu sama ada berhubungan atau tidak dengan perlaksanaan tugas-tugasnya dengan syarat bahawa alasan-alasan tersebut tidak membangkitkan pada sebahagian besarnya isu-isu yang sama dengan isu-isu atas mana dia telah dibebaskan.

Akibat  
pembebasan.

29. (1) Lembaga Tatatertib boleh, sekiranya ia fikirkan patut, menggantung daripada menjalankan kerja—

(a) seseorang pegawai penguatkuasa yang prosiding jenayah sedang dibawa terhadapnya sebagaimana diperuntukkan dalam kaedah 26 dan gantung kerja itu boleh dikuatkuasakan mulai dari tarikh dia ditangkap atau dari tarikh saman diserahkan kepadanya; atau

Penggantungan  
kerja  
seseorang  
pegawai  
penguatkuasa  
yang prosiding  
jenayah  
atau tatatertib  
sedang dibawa  
terhadapnya.

(b) seseorang pegawai penguatkuasa yang prosiding tatatertib dengan tujuan hendak membuang kerja pegawai penguatkuasa itu sedang atau akan diambil terhadapnya dan gantung kerja itu boleh dikuatkuasakan mulai dari tarikh sebagaimana dinyatakan dalam perintah gantung kerja itu.

(2) Lembaga Tatatertib boleh menggantung kerja seseorang pegawai penguatkuasa dalam kes-kes yang berikut:

- (a) apabila sifat kesalahan yang dia dipertuduhkan itu ada kaitan secara langsung dengan tugasnya;
- (b) apabila kehadirannya di pejabat akan menghalang penyiasatan; atau
- (c) apabila dia boleh menyebabkan keadaan serba salah kepada Direktorat Penguatkuasaan sekiranya dibenarkan menjalankan tugas-tugasnya dan tanggungjawab-tanggungjawabnya yang biasa.

(3) Seseorang pegawai penguatkuasa yang telah digantung kerja hendaklah, melainkan dan sehingga dia dibuang kerja, dibenarkan menerima bahagian emolumen jawatannya, tidak boleh kurang daripada satu perdua banyaknya sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga Tatatertib.

(4) Seseorang pegawai penguatkuasa yang telah digantung kerja jika dibenarkan menjalankan tugasnya semula oleh Lembaga Tatatertib hendaklah dibenarkan menerima bahagian emolumen yang belum dibayar yang ditahan daripadanya semasa dia digantung kerja.

**Gantung kerja.**

30. (1) Seseorang pegawai penguatkuasa yang digantung daripada menjalankan tugas-tugasnya di bawah kaedah 32 dan 33 boleh dibenarkan menerima apa-apa bahagian emolumennya, tidak kurang daripada satu perdua banyaknya sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga Tatatertib.

(2) Sekiranya prosiding tatatertib berkeputusan dengan pegawai penguatkuasa yang digantung daripada menjalankan tugas-tugasnya di bawah kaedah 32 dan 33 dibuang kerja, maka dia tidaklah berhak menerima apa-apa bahagian emolumennya yang belum dibayar, tetapi sekiranya hukuman itu adalah lain daripada buang kerja maka bolehlah dipulangkan kepadanya bahagian emolumen yang ditahan darinya itu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga Tatatertib.

**Meninggalkan negri semasa digantung kerja.**

31. (1) Seseorang pegawai penguatkuasa yang sedang digantung kerja tidak boleh meninggalkan Malaysia tanpa kebenaran daripada Dato Bandar.

(2) Sekiranya prosiding jenayah sedang diambil terhadap seseorang pegawai penguatkuasa di negara asing, pegawai penguatkuasa itu hendaklah digantung kerja mengikut kaedah 29 dan hendaklah ditempatkan di dalam jagaan perwakilan Malaysia di negara itu dan tidak dibenarkan meninggalkan negara itu.

BAHAGIAN IV  
PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS

32. Jika prosiding jenayah terhadap seseorang pegawai penguatkuasa berkeputusan dengan dia disabitkan, atau jika rayuan terhadap sabitannya ditolak, maka Ketua Direktorat Penguatkuasaan hendaklah memohon kepada Pendaftar atau Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah yang relevan satu salinan penghakiman Mahkamah itu. Setelah menerima penghakiman tersebut, Ketua Direktorat Penguatkuasaan hendaklah menghantarkannya kepada Lembaga Tatatertib berserta dengan butir-butir penuh rekod perkhidmatan pegawai penguatkuasa itu yang lalu dan syor Ketua Direktorat Penguatkuasaan sama ada pegawai penguatkuasa itu patut dibuang kerja atau diuruskan halnya dengan cara lain bergantung kepada jenis dan beratnya kesalahan yang dilakukan berbanding dengan setakat mana ia telah menjatuhkan reputasi perkhidmatan.

33. (1) Jika telah dibuat sesuatu perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau deportasi terhadap seseorang pegawai penguatkuasa, atau jika telah ada sesuatu perintah yang mengenakan ke atas pegawai penguatkuasa itu apa-apa bentuk sekatan atau pengawasan sama ada dengan bon atau sebaliknya di bawah mana-mana undang-undang berhubung dengan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, pencegahan jenayah, tahanan pencegahan, kediaman terhad, buang negeri, imigresen atau perlindungan bagi wanita dan gadis, Ketua Direktorat Penguatkuasaan hendaklah memohon satu salinan perintah itu daripada pihak berkuasa yang berkenaan dan setelah menerimanya, hendaklah mengemukakan satu laporan berserta dengan butir-butir penuh mengenai rekod perkhidmatan pegawai penguatkuasa itu yang lalu kepada Lembaga Tatatertib dan Ketua Direktorat Penguatkuasaan hendaklah mengesyorkan kepada Lembaga Tatatertib sama ada pegawai penguatkuasa itu patut dibuang kerja, diturunkan pangkat atau diuruskan halnya dengan cara lain bergantung kepada setakat mana dia telah menjatuhkan reputasi perkhidmatan.

(2) Setelah menerima laporan tersebut daripada Ketua Direktorat Penguatkuasaan, Lembaga Tatatertib hendaklah serta merta menggantung pegawai penguatkuasa itu daripada menjalankan tugas-tugasnya.

34. (1) Walau apa pun peruntukan dalam kaedah 23, sekiranya setelah menimbangkan laporan dan dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh Ketua Direktorat Penguatkuasaan mengikut kaedah 32 dan 33 (1), Lembaga Tatatertib berpendapat bahawa pegawai penguatkuasa itu patut dibuang kerja atau diturunkan pangkat, maka ia boleh dengan serta-merta mengarahkan sewajarnya, atau sekiranya ia berpendapat bahawa pegawai penguatkuasa itu patut dikenakan hukuman yang lebih ringan atau diuruskan halnya dengan cara lain, Lembaga Tatatertib boleh serta-merta mengenakan ke atas

pegawai penguatkuasa itu apa-apa hukuman yang lebih ringan, atau menguruskan hal pegawai penguatkuasa itu mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ia fikirkan patut.

(2) Sekiranya disebabkan keputusan mengenakan hukuman yang lebih ringan itu pegawai penguatkuasa itu tidak dibuang kerja, maka emolumennya sepanjang tempoh dia digantung kerja hendaklah mengikut kepada budibicara Dato Bandar.

#### BAHAGIAN V

##### HUKUMAN

Hukuman  
tatatertib.

35. (1) Lembaga Tatatertib boleh mengenakan ke atas seseorang pegawai penguatkuasa mana-mana satu, atau apa-apa gabungan yang sesuai dua atau lebih daripada hukuman berikut:

- (a) amaran;
- (b) celaan;
- (c) denda;
- (d) perlucuthakan gaji;
- (e) hentikan kenaikan gaji;
- (f) tangguhkan kenaikan gaji;
- (g) turun gaji;
- (h) turun pangkat;
- (i) buang kerja.

(2) Walau apa pun peruntukan dalam perenggan (1) kaedah ini, Lembaga Tatatertib boleh mengenakan ke atas seseorang pegawai penguatkuasa mana-mana satu daripada hukuman yang berikut bagi mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah kaedah 43—

- (a) amaran;
- (b) celaan; dan
- (c) denda tidak melebihi satu perdua gaji sehari daripada pegawai penguatkuasa itu.

Denda atau  
perlucuthakan  
gaji

36. Jika Lembaga Tatatertib berpendapat bahawa seseorang pegawai penguatkuasa patut dihukum dengan dikenakan membayar denda atau dilucuthakkan gaji di bawah kaedah 35 (1) (c) atau (d), ia boleh berbuat demikian mengikut peruntukan-peruntukan yang berikut:

- (a) apa-apa denda yang dikenakan pada sesuatu masa tidak boleh lebih daripada suatu amaun yang sama banyak dengan tiga hari gaji pokok pegawai penguatkuasa berkenaan, dan sekiranya seseorang pegawai penguatkuasa didenda lebih daripada sekali dalam mana-mana satu bulan, agregat denda yang dikenakan ke atasnya dalam bulan itu tidak boleh lebih daripada amaun yang sama banyak dengan lima belas peratus daripada gaji pokok bulanannya;

- (b) perlucuthakan gaji yang dikenakan ke atas seseorang pegawai penguatkuasa kerana tidak hadir bekerja tanpa cuti atau sebab yang munasabah di bawah kaedah 21 (3) dan 30 (2) tidak boleh dikira sebagai denda di bawah kaedah ini dan, oleh yang demikian, tidaklah tertakluk kepada perenggan (a) di atas berkaitan dengan amaun maksimum denda pada mana-mana masa yang tertentu dalam mana-mana bulan yang tertentu. Amaun gaji yang dilucuthakkan kerana tidak hadir bekerja tanpa cuti atau sebab yang munasabah melainkan jika selainnya diputuskan oleh Lembaga Tatatertib hendaklah dihitung dengan merujuk kepada tempoh sebenar pegawai penguatkuasa itu tidak hadir bekerja;
- (c) segala denda atau perlucuthakan gaji hendaklah dipotong daripada emolumen bulanan pegawai penguatkuasa berkenaan dan hendaklah dibayar kepada Dato Bandar.

37. (1) Dalam hal kerja atau kelakuan yang tidak memuaskan, Ketua Direktorat Penguatkuasaan boleh pertama sekali menahan kenaikan gaji untuk tempoh tidak lebih daripada tiga bulan. Kenaikan gaji boleh ditahan tanpa memberi amaran terlebih dahulu, atas alasan kerja tak cekap, tetapi amaran mestilah diberi secara bertulis, pada masa kenaikan gaji itu ditahan, menyatakan bahawa kenaikan gaji akan diberhentikan atau ditangguh jika kerja pegawai penguatkuasa itu tidak bertambah baik dalam tempoh kenaikan gajinya itu ditahan. Di akhir tempoh tersebut kenaikan gaji itu akan dipulihkan sama ada mulai dari tarikh ianya ditahan ataupun hal keadaan yang dilaporkan kepada Lembaga Tatatertib.

Tahan  
kenaikan  
gaji.

(2) Jika hukuman menahan kenaikan gaji dikenakan ke atas seseorang pegawai penguatkuasa, dia tidaklah berhak, dalam tempoh hukuman itu berkuatkuasa, mendapat apa-apa kenaikan gaji yang terhak baginya. Walau bagaimanapun, di akhir tempoh tersebut dia adalah berhak mendapat kenaikan gaji yang terhak kepadanya tetapi telah ditahan darinya itu melainkan jika, kenaikan gajinya itu dihentikan atau ditangguhkan atas arahan Lembaga Tatatertib.

38. (1) Hukuman hentikan kenaikan gaji boleh dikenakan oleh Lembaga Tatatertib bagi apa-apa tempoh dan apabila dikenakan ke atas seseorang pegawai penguatkuasa, dia tidaklah berhak mendapat apa-apa kenaikan gaji bagi dan sepanjang tempoh hukuman itu berkuatkuasa; dan di akhir tempoh tersebut dia, bagaimanapun, akan mendapat gajinya mengikut kadar yang sepatutnya kena dibayar kepadanya sekiranya gajinya itu telah tidak dihentikan.

Hentikan  
kenaikan  
gaji.

(2) Hukuman itu tidaklah mengubah tarikh kenaikan gaji pegawai penguatkuasa yang dikenakan hukuman ini dan juga tidaklah menyebabkan pegawai penguatkuasa itu kehilangan kekananannya.

Tangguh  
kenaikan  
gaji.

39. (1) Hukuman menangguh kenaikan gaji boleh dikenakan oleh Lembaga Tatatertib bagi apa-apa tempoh yang tidak kurang daripada tiga bulan dan apabila dikenakan ke atas seseorang pegawai penguatkuasa, dia tidaklah berhak mendapat apa-apa kenaikan gaji bagi dan sepanjang tempoh hukuman itu berkuatkuasa.

(2) Hukuman ini adalah juga mendatangkan akibat-akibat yang berikut ke atas pegawai penguatkuasa yang dikenakan hukuman itu:

- (a) tarikh kenaikan gajinya hendaklah diubah kepada tarikh bila hukuman itu tamat tempohnya;
- (b) tarikh kenaikan gajinya hendaklah tetap sama seperti yang telah diubah di bawah perenggan (a) sehingga dia mencapai tanggagaji maksimumnya; dan
- (c) pegawai penguatkuasa itu hendaklah menanggung kehilangan kekananan selama tempoh yang sama dengan tempoh hukuman itu.

Remitan  
mengenai  
penangguhan  
kenaikan  
gaji.

40. (1) Seseorang pegawai penguatkuasa yang dikenakan hukuman penangguhan kenaikan gaji boleh, bagaimanapun, memohon kepada Lembaga Tatatertib untuk mendapat remitan atas hukuman itu. Permohonan tersebut boleh dibuat pada bila-bila masa tidak awal daripada tiga tahun dari tarikh hukuman itu tamat tempohnya.

(2) Untuk mendapatkan remitan, kerja dan kelakuan pegawai penguatkuasa itu mestilah telah bertambah baik supaya dapat Ketua Direktorat Penguatkuasaan memberi syor yang positif kepada Lembaga Tatatertib supaya remitan yang dipohon itu diluluskan.

(3) Apa-apa remitan atas hukuman ini tidak boleh dalam hal keadaan apapun memulihkan apa-apa juga kehilangan kekananan pegawai penguatkuasa itu.

Turun gaji.

41. (1) Jika seseorang pegawai penguatkuasa telah mencapai tanggagaji maksimum dalam tingkatannya, Lembaga Tatatertib boleh mengenakan ke atas pegawai penguatkuasa itu hukuman turun gaji untuk suatu tempoh yang difikirkannya patut:

Dengan syarat bahawa hukuman itu tidak boleh lebih daripada tiga kenaikan gaji dalam segmen gaji di mana dia berada pada masa hukuman ini dikenakan.

(2) Hukuman ini mempunyai akibat-akibat yang sama seperti dalam kaedah 39.

Hukuman  
dikehendaki  
dicatatkan  
ke dalam  
Buku Rekod  
Perkhidmatan  
pegawai  
penguatkuasa.

42. Dato Bandar hendaklah mengarahkan supaya tiap-tiap hukuman yang dikenakan ke atas seseorang pegawai penguatkuasa di bawah Kaedah-Kaedah ini, dicatatkan dalam Buku Rekod Perkhidmatan pegawai penguatkuasa itu dengan menyatakan butir-butir hukuman itu.

## BAHAGIAN VI

## KESALAHAN-KESALAHAN LAIN

43. Walau apa pun peruntukan yang terkandung di dalam Kaedah-Kaedah ini, seseorang pegawai penguatkuasa yang—

Kesalahan-kesalahan lain.

- (i) gagal memakai pakaian seragam mengikut Arahantetap mengenai pakaian seragam;
- (ii) berlengah-lengah dalam mengambil tempat di perbarisan, atau dalam berhimpun atau bersurai apabila diarahkan;
- (iii) gagal berkawat dengan sepatutnya tanpa sebab yang munasabah;
- (iv) gagal membawa buku poket;
- (v) gagal menghormati pegawai yang berpangkat lebih tinggi atau yang sepangkat tetapi lebih kanan darinya;
- (vi) gagal menunjukkan hormat kepada pegawai yang lebih kanan dengan cara yang patut;
- (vii) gagal memelihara gerakgeri dengan sepatutnya atau berkelakuan buruk semasa berpakaian seragam;
- (viii) menyimpan rambut panjang, janggut, jambang panjang atau kuku panjang;
- (ix) mengelakkan daripada menjalankan tugasnya dengan memberi alasan-alasan yang tidak memuaskan;
- (x) sebagai seorang wanita, menggunakan solek atau memakai barang kemas yang tidak mengikut Arahantetap mengenai pakaian seragam;
- (xi) membelibelah semasa bertugas atau berpakaian seragam;
- (xii) gagal melaporkan diri sesudah habis bertugas kepada pegawai yang menjaga buku catatan harian stesen;
- (xiii) membawa wang melebihi had jumlah yang dinyatakan oleh Ketua Direktorat Penguatkuasaan melainkan jika mendapat kebenaran;
- (xiv) memakai pakaian seragam rasmi untuk kepentingan diri sendiri atau untuk mendapatkan apa-apa layanan yang istimewa daripada mana-mana orang;
- (xv) menggunakan mana-mana kenderaan persendirian semasa menjalankan tugas rasmi tanpa mendapatkan kebenaran lebih dahulu daripada Ketua Direktorat Penguatkuasaan;
- (xvi) mengeluarkan kata-kata kesat, lucah, kasar atau tidak sopan terhadap mana-mana orang,

boleh diambil tindakan oleh pegawai atasannya dalam cara sebagaimana ditetapkan di bawah perenggan (2).

(2) Mana-mana pegawai penguatkuasa yang melakukan suatu kesalahan di bawah perenggan (1), boleh diurus oleh pegawai atasannya dengan cara berikut:

- (a) dalam kes suatu kesalahan di bawah subperenggan (i), (vii) atau (x), menghendaki beliau membetulkan atau membaiki kesalahan yang diadukan;
- (b) dalam kes suatu kesalahan di bawah subperenggan (ii), (iii), (iv), (v), (vi), (vii), (viii), (ix), (xii), (xiii), (xiv), (xv) atau (xvi), menghendakinya berkawat, atau membuat apa-apa senaman jasmani tidak melebihi satu jam setengah dalam cara sebagaimana yang diarah oleh pegawai atasannya; dan
- (c) dalam kes suatu kesalahan di bawah subperenggan (vi), (vii), (ix), (xi), (xiii), (xiv) atau (xv), menghendakinya melakukan apa-apa tugas tambahan tidak melebihi tujuh jam sebagaimana yang diarah oleh pegawai atasannya sebagai tambahan kepada tugas hariannya.

(3) Mana-mana pegawai penguatkuasa yang enggan berbuat sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai atasannya di bawah perenggan (2), boleh diambil tindakan tatatertib atas kesalahan yang telah dilakukannya di bawah perenggan (1) dan hendaklah diurus mengikut kaedah 25.

(4) Bagi maksud kaedah ini—

“senaman jasmani” ertiannya berlari, meniarap dan mengangkat badan dengan tangan atau lain-lain senaman yang merupakan sebahagian dari latihan jasmani seseorang pegawai penguatkuasa;

“tugas tambahan” ertiannya membersihkan pejabat, kawasan pejabat, berkebun, mencuci kenderaan atau apa-apa tugas biasa yang lain seseorang pegawai penguatkuasa.

## BAHAGIAN VII

### PELBAGAI

Surcaj.

44. Walau apa pun yang terkandung di dalam Kaedah-Kaedah ini, sekiranya didapati oleh Lembaga Tatatertib bahawa mana-mana pegawai penguatkuasa—

- (a) telah gagal memungut sebarang wang yang terhutang kepada Dato Bandar di mana dia adalah atau telah bertanggungjawab memungutnya;
- (b) adalah atau telah bertanggungjawab terhadap salah pembayaran wang awam Dato Bandar atau apa-apa pembayaran wang awam yang tidak diperakui dengan sewajarnya;

- (c) adalah atau telah bertanggungjawab terhadap sebarang kekurangan, kehilangan atau pemusnahan apa-apa wang awam, setem, jaminan, atau harta lain Dato Bandar;
- (d) telah gagal menyelenggara akaun yang betul atau rekod kewangan yang dia bertanggungjawab untuknya;
- (e) telah gagal membuat sebarang bayaran, atau adalah atau telah bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan pembayaran wang awam Dato Bandar kepada mana-mana orang yang sepatutnya menerima bayaran itu di bawah mana-mana undang-undang atau di bawah apa-apa kontrak, perjanjian atau peraturan yang telah dibuat antara orang tersebut dengan Dato Bandar,

dan sekiranya suatu huraian yang memuaskan tidak dikemukakan kepada Lembaga Tatatertib, dalam tempoh yang telah dinyatakan oleh Lembaga Tatatertib, terhadap kegagalan memungut, salah pembayaran, bayaran yang tidak diperakui sewajarnya, kekurangan, kehilangan atau kemusnahan, atau kegagalan menyelenggara akaun atau rekod kewangan dengan betul, atau gagal membuat bayaran, atau lewat membuat bayaran, Lembaga Tatatertib boleh mengenakan surcaj terhadap pegawai penguatkuasa tersebut sejumlah wang yang tidak melebihi amaun yang tidak dipungut, bayaran berkenaan, kekurangan atau kehilangan atau nilai harta yang termusnah, mengikut mana yang berkenaan; dan berhubung dengan kegagalan menyelenggara akaun atau catatan kewangan yang betul, atau kegagalan membuat bayaran, atau kelewatan membuat bayaran, Lembaga Tatatertib boleh mengenakan surcaj terhadap pegawai penguatkuasa tersebut sejumlah wang yang difikirkan patut.

45. Pengerusi Lembaga Tatatertib hendaklah memberitahu pegawai penguatkuasa yang telah dikenakan surcaj itu tentang penanggungan Pemberitahuan surcaj.  
yang dikenakan di bawah kaedah 44.

46. Lembaga Tatatertib boleh dalam tempoh satu tahun atau tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Dato Bandar menarik balik apa-apa surcaj di mana penerangan yang memuaskan telah diterima atau selainnya jika didapati surcaj tidak patut dikenakan, dan Pengerusi Lembaga Tatatertib hendaklah memberitahu pegawai penguatkuasa itu. Menarik balik surcaj.

47. Amaun apa-apa surcaj yang dibuat di bawah kaedah 44 dan tidak ditarik balik di bawah kaedah 46 boleh didapatkan kembali dengan memotong gaji pegawai penguatkuasa yang dikenakan surcaj itu dengan ansuran bulanan yang sama yang tidak melebihi satu perempat jumlah gaji bulanan pegawai penguatkuasa itu dan sekiranya pegawai penguatkuasa itu telah hampir bersara daripada ganjarannya dan di dalam kes lain dengan memulakan prosiding sivil untuk mendapat kembali jumlah yang masih belum dijelaskan. Mendapat kembali surcaj.

Penyerahan  
balik alat  
kelengkapan  
dsb.

48. Seseorang pegawai penguatkuasa yang digantung kerja atau dibuang kerja hendaklah dengan serta-merta menyerahkan balik semua alat kelengkapan, pakaian seragam dan kenderaan serta apa-apa harta lain Dato Bandar yang digunakannya semasa bertugas.

Perlantikan  
*ad hoc*

49. (1) Ketua Direktorat Penguatkuasaan boleh sekiranya perlu, pada bila-bila masa, melantik mana-mana pegawai penguatkuasa dari pangkat yang lebih rendah untuk mengisi, buat sementara, dengan tanpa bayaran apa-apa elau, suatu jawatan pegawai penguatkuasa yang berpangkat lebih tinggi yang tidak tersedia untuk menjalankan tugasnya.

(2) Jika ketua suatu unit atau pasukan tidak hadir atau tidak dapat menjalankan tugasnya dan tiada pegawai penguatkuasa lain dilantik untuk mengisi jawatannya di bawah perenggan (1), pegawai penguatkuasa yang terkanan selepasnya dalam unit atau pasukan tersebut atau mana-mana pegawai penguatkuasa yang lain yang diarahkan oleh mana-mana pegawai atasan hendaklah mengambil alih tugas dan tanggungjawab ketua unit atau pasukan itu.

Pemilikan  
senjata api.

50. (1) Tiada seorang pegawai penguatkuasa yang bertugas boleh membawa atau menggunakan apa-apa senjata api melainkan jika dia telah dilesenkan di bawah undang-undang berhubungan dengan senjata api dan telah diberikuasa untuk berbuat demikian oleh Ketua Direktorat Penguatkuasaan.

(2) Tiada seorang pegawai penguatkuasa yang menjaga senjata-senjata api boleh menyerahkan apa-apa senjata api kepada mana-mana pegawai penguatkuasa yang tidak diberikuasa.

Arahan  
Tetap.

51. Ketua Direktorat Penguatkuasaan boleh, dengan persetujuan Dato Bandar, membuat Arahan Tetap berkenaan dengan perkhidmatan, peraturan kerja, tatakelakuan, waktu kerja dan pakaian seragam.

Penyampaian  
dokumen,  
notis, dsb.

52. (1) Tiap-tiap pegawai penguatkuasa hendaklah memberi kepada Ketua Direktorat Penguatkuasaan alamat kediamannya atau apa-apa perubahan mengenainya yang akan menjadi alamatnya bagi maksud menyampaikan kepadanya apa-apa juga notis atau dokumen di bawah Kaedah-Kaedah ini atau bagi maksud memberitahunya mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan Kaedah-Kaedah ini.

(2) Apa-apa dokumen, notis atau pemberitahuan yang ditinggalkan dekat atau diposkan melalui pos biasa ke alamat penyampaian yang diberi di bawah perenggan (1) hendaklah disifatkan sebagai telah pun disampaikan atau diberitahu dengan sewajarnya kepada pegawai penguatkuasa itu.

53. Dato Bandar boleh pada bila-bila masa memanggil dan memeriksa rekod apa-apa prosiding tataterib dan boleh mengurangkan, menambah atau mengakaskan apa-apa hukuman yang dikenakan ke atas mana-mana pegawai penguatkuasa.

Diperbuat pada 16hb Oktober 1991.  
[JHEU2. 3/82 (91)-EO; PN. (PU<sup>2</sup>) 328/15 Jld. III.]

TAN SRI DATO' ELYAS BIN OMAR,  
*Dato Bandar Kuala Lumpur*

Diluluskan 31hb Disember 1991.

DR MAHATHIR BIN MOHAMAD,  
*Perdana Menteri*

## LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

### CITY HALL OF KUALA LUMPUR ENFORCEMENT OFFICERS (CONDUCT AND DISCIPLINE) RULES 1992

---

#### ARRANGEMENT OF RULES

---

##### PART I

###### PRELIMINARY

###### Rule

1. Citation.
2. Application.
3. Interpretation.

##### PART II

###### CODE OF CONDUCT

4. Code of conduct.
5. Outside employment.
6. Presents, etc.
7. Entertainment.
8. Ownership of movable or immovable property.
9. Living beyond official emoluments and legitimate private means.
10. Borrowing money.
11. Serious pecuniary indebtedness.
12. Report of serious pecuniary indebtedness, etc. from courts and Official Assignee.
13. Lending money.
14. Speculation forbidden.
15. Raffles and lotteries.
16. Publication of books.
17. Prohibition of public statement.
18. Prohibition on acting as editor, etc. of newspapers, etc.
19. Political activities.
20. Institution of legal proceedings and legal aid.
21. Absence without leave.
22. Reporting unsatisfactory work or conduct.

### PART III

#### DISCIPLINARY PROCEDURE

##### Rule

- 23. Conditions for dismissal or reduction in rank.
- 24. Appointment of Disciplinary Board and Disciplinary Appeal Board.
- 25. Procedure in disciplinary proceedings.
- 26. Criminal proceedings against an enforcement officer.
- 27. No disciplinary proceedings during the pendency of criminal proceedings.
- 28. Consequences of acquittal.
- 29. Suspension of an enforcement officer against whom criminal proceedings or disciplinary proceedings are being instituted.
- 30. Suspension.
- 31. Leaving the country whilst under suspension.

### PART IV

#### SPECIAL PROVISIONS

- 32. Procedure in case of conviction.
- 33. Procedure in case of detention, banishment, etc.
- 34. Power of Disciplinary Board in cases of conviction, detention, etc.

### PART V

#### PUNISHMENT

- 35. Disciplinary punishments.
- 36. Fine or forfeiture of salary.
- 37. Withholding of increment.
- 38. Stoppage of increment.
- 39. Deferment of increment.
- 40. Remission of deferment of increment.
- 41. Reduction of salary.
- 42. Punishment to be entered into the enforcement officer's Record of Service.

### PART VI

#### OTHER OFFENCES

- 43. Other offences.

PART VII  
MISCELLANEOUS

Rule

44. Surcharge.
45. Notification of surcharge.
46. Withdrawal of surcharge.
47. Recovery of surcharge.
48. Surrender of equipment, etc.
49. *Ad hoc* appointment.
50. Possession of firearms.
51. Standing Orders.
52. Service of documents, notice, etc.
53. Revisionary power of the Commissioner.

**LOCAL GOVERNMENT ACT 1976**

**CITY HALL OF KUALA LUMPUR ENFORCEMENT OFFICERS  
(CONDUCT AND DISCIPLINE) RULES 1992**

IN exercise of the powers conferred by section 17 (1) of the Local Government Act 1976, the Commissioner of the City of Kuala Lumpur, with the approval of the Minister, makes the following rules:

**PART I**

**PRELIMINARY**

1. These Rules may be cited as the **City Hall of Kuala Lumpur Enforcement Officers (Conduct and Discipline) Rules 1992**. Citation.

2. These Rules shall only apply to an enforcement officer Application. throughout the period of his service. The breach of any provisions of these Rules shall render an enforcement officer liable to disciplinary action.

3. In these Rules, unless the context otherwise requires— Interpretation.

“Commissioner” means the Commissioner of the City of Kuala Lumpur appointed under section 4 of the Federal Capital Act 1960; Act 190.

“convicted” or “conviction” includes a finding or an order involving a finding of guilt by a criminal court in Malaysia or elsewhere, or by a competent body conferred with the power to conduct summary investigation under any written law that the person charged or accused has committed an offence;

“Disciplinary Board” means the Board appointed under rule 24 of these Rules;

“Enforcement Directorate” means the enforcement division of City Hall of Kuala Lumpur as established by the Commissioner;

“enforcement officer” means any officer other than a senior officer, a clerical staff and an industrial and manual group worker, employed by the Commissioner for the purposes of the Enforcement Directorate;

“equipment” includes firearms, equipment used for communicating, safety jacket, equipment fixed to vehicles and all other equipment used during the performance of official duties;

“Head of the Enforcement Directorate” means an Officer of the Commissioner who is in charge of the Enforcement Directorate and includes the Deputy Head of the Enforcement Directorate acting on behalf of the Head;

“public moneys” means all revenue, loan, trust and other moneys and all bonds, debentures and other securities whatsoever raised or received by or on account of the Commissioner;

“senior officer” means the Head of the Enforcement Directorate and his deputy, Senior Assistant Director, Assistant Director, Senior Legal Assistant, Legal Assistant or Executive Officer who is attached to the Enforcement Directorate;

“superior officer” means any senior officer or an enforcement officer who is senior in rank to any other enforcement officer under his charge or command;

“uniform” includes trousers, shirts, buttons, caps, crash helmets, shoes, stockings, belts, whistles, pips, name tags, batons, shoulder title, official logos, firearms and all other decorations supplied by the Commissioner to be used as directed in writing by the Head of Enforcement Directorate;

“vehicle” means all types of transportation, whether motorised or not, including boats, lorries, motor-cars, vans, motor-cycles, animals such as horses, and carriages to carry such animals, owned by the Commissioner.

## PART II

### CODE OF CONDUCT

Code of  
Conduct.

4. The following is the code of conduct of enforcement officers in the service of the Commissioner (hereinafter referred to as “the Enforcement Directorate”). The breach of any of the provision of this code by an enforcement officer renders him liable to disciplinary action under these Rules:

- (1) An enforcement officer shall at all times and on all occasions give his loyalty and devotion to the Yang di-Pertuan Agong, the country, the Government and the Commissioner;
- (2) An enforcement officer shall not—
  - (a) subordinate his public duty to his private interests;
  - (b) conduct himself in such a manner as is likely to bring his private interests into conflict with his public duty;
  - (c) conduct himself in any manner as is likely to cause a reasonable suspicion that—
    - (i) he has allowed his private interest to come into conflict with his public duties so as to impair his usefulness as a public officer; or
    - (ii) he has used his public position for his advantage;
  - (d) conduct himself in such a manner as to bring the Commissioner into disrepute or to bring discredit thereto;

- (e) lack efficiency or industry, or conduct himself in such a manner as may be reasonably deemed to be lack efficiency or industry;
- (f) be dishonest, or conduct himself in such a manner as is likely to cause suspicion as being dishonest;
- (g) be irresponsible or neglect his responsibilities;
